

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

# Peraturan lebih ketat babit vape berkuat kuasa Ogos

KKM berusaha pastikan Jabatan Peguam Negara luluskan Akta 852

Oleh Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Selepas beberapa kali tertangguh, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata peraturan lebih ketat berhubung vape akan berkuat kuasa mulai bulan depan.

Dalam jawapan kepada komen pengguna di X semalam, beliau berkata, pihaknya sedang melakukan yang terbaik untuk memastikan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam

Persatuan Farmasi kecewa Akta 852 belum dikuat kuasa



Keratan akbar BH, semalam.

2024 (Akta 852) & Perintah 2b di-luluskan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Antara peraturan termaktub bawah akta itu ialah berkaitan pendaftaran, penjualan, pembungkusan dan pelabelan serta perintah berkaitan larangan merokok di tempat awam.

Katanya, semua peraturan dan perintah berkenaan akan dikuatkuasakan serentak dengan Akta 852, termasuk rokok elektronik.

"Tiga peraturan sudah diluluskan oleh AGC dengan dua lagi peraturan dan satu perintah tambahan kini dalam proses kelulusan.

"Peraturan dan perintah akan dikuatkuasakan bersama dengan Akta 852 pada Ogos, apabila semuanya berada dalam keadaan teratur. Insya-Allah, dengan izin Tuhan, tiada lagi kelewatan," katanya dalam berbenang hantaran itu.

Beliau mengulas mengenai kenyataan beberapa pihak yang mempersoalkan kelewatan penguatkuasaan Akta 852 yang masih tertangguh pelaksanaannya, termasuk daripada pihak Persatuan Farmasi Malaysia (MPS).

**Persoal halangan sebenar**  
Semalam, Presiden MPS, Amrahi Buang, dilaporkan berkata penguatkuasaan akta terbatit

**Tiga peraturan sudah diluluskan oleh AGC dengan dua lagi peraturan dan satu perintah tambahan kini dalam proses kelulusan**

Dr Dzulkefly Ahmad,  
Menteri Kesihatan



sepatutnya bermula awal Jun, tetapi hingga kini belum dilaksanakan kerajaan.

Justeru, Amrahi mempersoalkan, apakah halangan sebenar penguatkuasaan akta terbatit, yang didakwa masih 'tersangkut' di pejabat Peňasihat Undang-Undang (PUU) KKM.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly berkata, beliau memahami keserasan pelbagai pihak berhubung kelewatan pelaksanaan penguatkuasaan Akta 852 terbatit.

"Saya benar-benar memahami keresahan (orang ramai) disebabkan kelewatan dalam pelaksanaan Akta 852 ini."

"Saya memohon empati anda bahawa KKM sedang berusaha sebaik mungkin untuk mendapatkan pengesahan AGC berhubung kelulusan peraturan dan perintah ini," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Rakyat

# KKM sasar tingkat kapasiti slot latihan pegawai perubatan

Pelbagai insentif dilaksana usaha tarik minat pelajar baru

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) akan meningkatkan slot latihan siswazah perubatan daripada 10,835 pada 2013 kepada 12,198 slot tahun ini, selain bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan swasta untuk menarik minat pelajar mengambil jurusan perubatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata langkah itu antara usaha dilakukan KKM untuk menangani isu kekurangan pegawai perubatan di fasiliti kesihatan KKM di seluruh negara.

Beliau berkata, perkara itu terkandung dalam beberapa cadangan polisi baharu berkaitan pelantikan dan pemepatan anggota kesihatan melalui program Reformasi Sumber Manusia yang sedang diperhalusi KKM,

#### Tingkat jumlah doktor

"Berdasarkan Petunjuk Kesihatan 2023 yang dikeluarkan KKM, nisbah doktor kepada penduduk pada 2022 mencapai nisbah satu doktor kepada 412 penduduk berbanding nisbah satu doktor kepada 758 penduduk pada 2012.

"Walaupun petunjuk nisbah kepada doktor menunjukkan peningkatan yang memuaskan, KKM komited melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan lagi bilangan doktor di fasiliti KKM dan sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana atas, nisbah 1:412 ini akan terus kita perbaiki.

"Jadi, KKM akan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi me-

ningkatkan bilangan doktor untuk mencapai sasaran nisbah satu doktor kepada 400 penduduk (1:400) menjelang 2025," katanya dalam soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Seri Sh Mohamed Puzi Sh Ali (BN-Pekan) yang ingin tahu nisbah semasa doktor dan pesakit serta usaha agresif dalam menangani kekurangan pegawai perubatan yang kritikal.

Dr Dzulkefly berkata, KKM sedang melakukan penyusunan semula untuk memperhalusi polisi baharu bagi sumber manusia bagi menangani permasalahan, kerumitan, kekurangan, ketidaktaburan yang baik, sekaligus polisi Reformasi Sumber Manusia akan dikaji semula.

Sebagai perbandingan, Singapura mempunyai nisbah 1:270, UK 1:357, Australia 1:270, Austria 1:192, Thailand 1:1,111 dan Indonesia 1:1,400. **BERNAMA**

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 9**  
**RUANGAN : LOKAL**

**Sepang:** Prosiding bela diri pengasas The KL Sky Clinic, Dr Roland Victor yang di dakwa atas pertuduhan membuat dan memulakan hantaran video jelik berhubung vaksin Covid-19 ditangguhkan ke 23 dan 24 September oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Ahmad Fuad Othman melapangkan tarikh perbicaraan berkenaan selepas Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Nor Shazwani Abdullah memaklumkan bahawa TPR yang mengendalikan kes itu disahkan positif Covid-19.

"Hari ini (semalam) ditetapkan perbicaraan bela diri (Dr Roland) namun TPR Nurul Farahin Sarsrudin disahkan positif Covid-19 dan perlu menjalani

kuarantin bermula 29 Jun hingga 3 Julai.

"Oleh itu, pihak pendakwaan memohon supaya tarikh bicara baharu ditetapkan," kata Nor Shazwani.

Peguam Alicia Nicholson mewakili Dr Roland, 42, tidak membantali sebarang permohonan pihak pendakwaan itu.

Pada 21 Mac lalu, Ahmad Fuad memerintahkan Dr Roland membela diri atas pertuduhan membuat dan memulakan hantaran video bersifat jelik selepas men-

dapat pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadapnya.

Pada 5 Julai 2021, Dr Roland didakwa atas pertuduhan membuat dan memulakan hantaran video bersifat jelik dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain, video itu dimuat naik menggunakan laman profil Facebook The KL Sky Clinic pada 10.30 malam, 7 Februari 2021.

Dia dituduh mengikut Seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia

1998 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 233 (3) akta sama yang membawa hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara hingga setahun atau kedua-duanya, dan boleh di denda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas dike nakan sabitan.

### BUAT VIDEO JELIK VAKSIN COVID-19

## Prosiding bela diri Dr Roland tangguh ke 23 & 24 September

DR Roland



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA

## Nisbah satu doktor bagi 400 penduduk mampu dicapai – Dr. Dzulkefly

KUALA LUMPUR – Sasaran nisbah satu doktor untuk 400 penduduk pada 2025 mampu dicapai melalui pelbagai inisiatif bagi meningkatkan bilangan doktor di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) termasuk di hospital.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, berdasarkan Petunjuk Kesihatan Tahun 2023 yang dikeluarkan

oleh KKM, nisbah doktor kepada penduduk pada 2022 mencapai nisbah satu doktor kepada 412 penduduk.

"Antara inisiatif yang telah dan sedang dijalankan ialah meningkatkan slot latihan siswazah di KKM daripada 10,835 pada 2013 kepada 12,198 slot pada 2024 bagi tujuan latihan siswazah perubatan.

"Kita juga menawarkan skim perubatan mempunyai gred dan gaji lebih menarik selain memberikan eluan lain yang terdapat hanya dalam skim perubatan seperti bayaran insentif pakar, eluan lokum dan eluan tugas atas panggilan.

"KKM juga menyediakan peluang lebih menarik untuk melanjutkan pelajaran sehingga ke

peringkat kepakaran dan sub-kepakaran sama ada mereka tetap atau kontrak," katanya menjawab soalan Datuk Seri Sh Mohamed Puzi Sh Ali (**PH - Pekan**) yang ingin tahu apakah faktor tia-dia pengambilan doktor pelatih di hospital daerah seluruh negara di Dewan Rakyat semalam.

Katanya, sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana

atas nisbah 1:412 itu akan terus kita perbaiki, namun jika dibandingkan jumlah itu jauh lebih baik berbanding nisbah satu doktor kepada 758 penduduk pada 2012.

Sebagai perbandingan, Singapura mempunyai nisbah 1:270, UK 1:357, Australia 1:270, Austria 1:192, Thailand 1:1,111 dan Indonesia 1:1,400.

+

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

## KKM perhalusi polisi baharu lantikan, penempatan doktor

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang memperhalusi beberapa ca-dangan polisi baharu berkaitan pelantikan dan penempatan anggota kesihatan melalui program Reformasi Sumber Manusia.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, perkara itu adalah antara usaha kementerian dalam menangani isu kekurangan pegawai perubatan di fasiliti kesihatan KKM di seluruh negara.

"Kami sedang melakukan penyusunan semula untuk perhalusi polisi baharu untuk kita reform sumber manusia bagi menangani permasalahan, *mild distribution*, ketidaktaburan yang baik dalam satu polisi Reformasi Sumber Manusia yang akan kita kaji semula," katanya dalam soal jawab lisan di Dewan Rakyat pada Isnin.

Beliau berkata demikian bagi

menjawab soalan Datuk Seri Sh Mohamed Puzi Sh Ali (**BN-Pekan**) yang ingin tahu nisbah semasa doktor dan pesakit serta usaha agresif menangani kekurangan pegawai perubatan.

Dr Dzulkefly berkata, KKM melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan bilangan doktor di fasiliti kesihatan KKM untuk mencapai sasaran nisbah satu doktor kepada 400 penduduk (1:400) menjelang 2025.

Jelas beliau, ia termasuk meningkatkan slot latihan siswazah perubatan di KKM daripada 10,835 pada 2013 kepada 12,198 slot tahun ini, selain bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi dan swasta.



DR DZULKEFLY

"Berdasarkan Petunjuk Kesihatan 2023 KKM, nisbah doktor kepada penduduk pada 2022 telah mencapai nisbah satu doktor kepada 412 penduduk berbanding nisbah satu doktor kepada 758 penduduk pada 2012.

"KKM komited untuk terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan lagi bilangan doktor di fasiliti KKM dan sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana atas, nisbah 1:412 ini akan terus kita perbaiki," katanya.

Sebagai perbandingan, Singapura mempunyai nisbah 1:270, United Kingdom 1:357; Australia 1:270; Austria 1:192; Thailand 1:1,111 dan Indonesia 1:1,400. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Kementerian teliti penempatan doktor, pakar

Oleh AHMAD  
**FADHLULLAH ADNAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Kesihatan akan segera mengatasi ketidakseimbangan agihan tenaga perubatan terutamanya pakar bagi memberi khidmat kesihatan lebih meluas dan adil.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya sentiasa menilai untuk mencapai liputan kesihatan sejagat dengan tidak meninggalkan sesiapa pun.

"Saya sangat insaf dan sedar akan keperluan untuk segera mengatasi ketidakseimbangan agihan pakar dan sebagainya itu.

"Ia untuk capai kepada cicitia liputan kesihatan sejagat, memberikan keadilan dan kesimbangan."

"Inilah yang menjadi cabaran kepada saya dan saya akan terus membuat penilaian dan apa pun keperluan pendekatan serta dari sudut agihan sumber manusia," katanya dalam sesi pertanyaan bagi jawab lisani di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (Warisan-Semporna) berhubung amalan Kementerian Kesihatan selama ini yang didapati menempatkan pakar khususnya yang terlatih di kawasan memerlukan tidak begitu jelas.

DZULKEFLY Ahmad pada Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA



Terdahulu, Dzulkefly berkata, kementeriannya juga sedang memperhalusi polisi baharu bagi reformasi sumber manusia terutamanya berkaitan kekurangan serta ketidakseimbangan petugas kesihatan.

Katanya, perkara itu antara pendekatan bagi menarik siswazah perubatan seterusnya meningkatkan nisbah 1 doktor kepada 400 penduduk.

Selain itu, katanya, mem-

berikan skim perubatan gred dan gaji yang lebih menarik dan eluan lain yang terdapat dalam skim perubatan seperti bayaran insentif pakar, eluan lokum dan eluan tugas atas panggilan serta peluang menarik melanjutkan pelajaran sama ada mereka tetap mahupun kontrak.

"Jumlah lantikan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) telah menunjukkan trend penurunan sebanyak 50 peratus sejak pan-

demik melanda negara kita dan kekerapan lantikan yang dibuat.

"Pada 2018, seramai 4,924 PPS dan bagi tahun 2020 pula, seramai 5,113 orang PPS telah dilantik. Bagaimanapun selepas pandemik Covid-19 iaitu pada 2022, hanya seramai 3,245 siswazah perubatan telah dilantik dan diikuti dengan pelantikan seramai 3,265 siswazah perubatan dilantik pada 2023," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NATION / NEWS

## MORE TRAINING SLOTS

## Doctor-population ratio to rise to 1:400 by 2025

KUALA LUMPUR

THE Health Ministry is committed to achieving a 1:400 doctor-to-population ratio in the country by 2025.

Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the doctor-to-population ratio stood at 1:412 in 2022 compared with 1:758 in 2012.

"This ratio of 1:400 would include doctors under the ministry, the Higher Education Ministry, the private sector and others."

"We will continue to improve the ratio."

"In comparison, Singapore has a ratio of 1:270, the United Kingdom has 1:357, Australia has 1:270, Austria has 1:192, Thailand has 1:1,111 and Indonesia has 1:1,400,"

he told the Dewan Rakyat yesterday.

Among the steps to achieve this goal was to increase the graduate training slots in the Health Ministry to 12,198 in 2024 for medical graduate training purposes, he said.

At the same time, Dr Dzulkefly said all parties needed to work together to attract students to pursue medical studies as the sector offered more attractive salaries, special allowances and opportunities to further their education under the Federal Training Award scheme.

"The Health Ministry is also in the final stage of refining several proposals related to the appointment and placement of Health Ministry personnel through the Human Resources reform pro-



Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

gramme, which will be announced soon," he added.

The minister said this after Datuk Seri Sh Mohamed Puzi Sh Ali (Barisan Nasional-Pekan) had asked about the ministry's efforts to address the critical shortage of medical officers in the country.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NATION

## Three rounds of recruitment for housemen

A TOTAL of 2,148 housemen were appointed to public healthcare service in the first half of this year through three rounds of recruitment, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Ministry conducted three series of recruitment comprising 701 officers in the first round of appointments, 803 in the second round and 644 in the third," he said during Question Time in the Dewan Rakyat yesterday.

Housemanship is not conducted at district hospitals as they do not have specialist services.

Dzulkefly said there are 49 hospitals nationwide in which house officer training is conducted.

These include 14 state hospitals, five minor specialist hospitals, three teaching hospitals and one military hospital.

All housemen entering the Health Ministry's service since 2016 were appointed under the

contract scheme.

He acknowledged that there had been a 50% drop in the appointment of housemen since the Covid-19 pandemic, while recruitment drives remained the same as they were previously.

According to Dzulkefly, 4,924 house officers were appointed in 2018, 6,139 in 2019, and 5,113 in 2020.

Post-pandemic, 3,245 were appointed in 2022 followed by 3,265 in 2023.

"Statistics show a clear down-trend which has affected housemen training," he said.

*The Star* reported on May 7 that the number of housemen at the ministry had declined by 50% since 2019, following a drop in medical graduates.

Dzulkefly said his ministry had placed housemen recruited under the first two cohorts this year in state hospitals, while some were posted to university hospitals.

This is to ensure that the house-

men are able to gain experience in handling various diseases, in addition to helping the hospital deliver necessary services.

"However, after taking into account the views aired with the ministry, policies have been reviewed related to the placement of house officers to major and minor specialist hospitals in phases, and this will depend on the appointment of new housemen," he added.

Dzulkefly also said the ratio of doctors to the population had improved.

He said it increased from one doctor to a population of 758 in 2012, to 1:412 in 2022.

"We are committed to achieving the ratio of one doctor to a population of 400 by 2025," he added.

The ministry is also implementing various initiatives to increase the number of doctors in government service, including increasing the number of housemanship

slots to 12,198 in 2024, up from 10,835 in 2013.

It is also in the final stages of fine-tuning policy proposals related to the appointment and placement of healthcare workers through the Human Resources Reform Programme, which will be announced soon, said Dzulkefly.

He added that all parties must work together to cultivate students' interest in pursuing medicine as the profession offers higher grades, attractive salaries and allowances, as well as better chances to pursue specialist training through the government-sponsored Hadiyah Latihan Persekutuan programme.

He was responding to a question from Salamiah Mohd Nor (PN-Temerloh) on the lack of placement of doctors at district hospitals and the ratio of doctors to the population, as well as the efforts taken to overcome the critical shortage of doctors.